






TALI DAN IKATAN



Terdapat berjenis-jenis ikatan Di Jabatan Bomba Dan Penyelamat, yang mesti dipelajari dan perlu diketahui ialah 24 jenis ikatan :

JENIS-JENIS IKATAN	KEGUNAANYA
	<u>HALF HITCH</u> UNTUK MEMULAKAN SEBARANG IKATAN
	<u>OVERHAND KNOT</u> Kegunaannya ialah untuk mematikan hujung tali supaya tidak terhurai. Ikatan ini juga dipanggil IKATAN IBU JARI (THUMB KNOT) . Ikatan Overhand Knot juga digunakan bagi menandakan hose yang bocor.
	<u>FIGURE OF EIGHT</u> Ikatan ini sama kegunaannya dengan ikatan Overhand Knot iaitu untuk mematikan hujung tali supaya tidak terhurai.
	<u>REEF KNOT</u> Kegunaannya ialah untuk menyambong tali yang sama besar.
	<u>FISHERMAN'S KNOT</u> Kegunaannya ialah untuk menyambong tali yang sama besar.





JENIS-JENIS IKATAN	KEGUNAANYA
	<u>SINGLE SHEET BEND</u> Kegunaannya ialah untuk menyambung tali yang tidak sama besar.
	<u>DOUBLE SHEET BEND</u> Kegunaannya ialah untuk menyambung tali yang tidak sama besar. Ikatan ini juga digunakan untuk mengikat bendera.
	<u>RUNNING BOWLINE</u> Kegunaannya ialah untuk mengikat suction dan lain-lain alat yang sesuai. <i>Ikatan ini bilamana ianya ditarik, lingkarannya akan mengencang dan bebas bergerak.</i> Ikatan ini adalah dari ikatan bowline dan diikat pada tali asal yang menjadikan lingkarannya bebas (Running Noose).
	<u>FISHERMEN BEND</u> Kegunaannya ialah untuk perahu-perahu Bomba (Fire Boat) yangmana ikatannya hendaklah dilonggarkan dan bebas bergerak.
	<u>CLOVE HITCH</u> Kegunaannya ialah untuk mengikat benda-benda yang berbentuk bulat dan licin seperti hose, suction dan pada perkakas-perkakas yang sesuai.





JENIS-JENIS IKATAN	KEGUNAANYA
	<u>ROLLING HITCH</u> Kegunaannya ialah untuk mengikat benda-benda yang berbentuk bulat dan licin seperti hose, suction dan pada perkakas-perkakas yang sesuai. Ikatan ini sama seperti Ikatan Clove Hitch.
	<u>ROUND TURN AND TWO HALF HITCHES</u> Kegunaannya ialah untuk mengikat benda-benda yang bulat seperti anak tangga (Round) semasa menjalankan Standard Test dan lain-lain.
	<u>BUCKET KNOT</u> Kegunaannya ialah untuk mengikat benda-benda yang berbentuk bulat / persegi seperti baldi atau tong-tong samaada menurunkan atau menaikkan.
	<u>BOWLINE ON THE BIGHT</u> Kegunaannya ialah untuk menurunkan/menaikkan benda-benda yang berat seperti tong, peti dan sebagainya. Ikatan ini juga boleh digunakan bagi menurunkan / menaikkan mangsa dari atas bangunan atau dari tempat-tempat yang sesuai.
	<u>CATS PAW</u> Kegunaannya ialah untuk mengikat benda-benda yang bertelinga atau berkait (Hook) seperti gulungan hose atau pada perkakas-perkakas yang sesuai.



JENIS-JENIS IKATAN	KEGUNAANYA
 	<u>HOSE HOLDING AND LOWERING</u> Kegunaanya ialah untuk menaikkan dan menurunkan hose, branch dan alat-alat yang sesuai.
 	<u>TIMBER HITCH</u> Kegunaannya ialah untuk mengikat benda-benda kasar seperti kayu-kayu balat-alat pada alat-alat yang sesuai
	<u>SHEEP SHANK</u> Kegunaannya ialah untuk memendekkan tali dengan tidak payah dipotong dan tidak akan merosakkan tali.



JENIS-JENIS IKATAN	KEGUNAANYA
	<u>HAWSER KNOT</u> Kegunaannya ialah untuk menyambong wire yang sama besar.
	<u>HOSE SECURING</u> Kegunaannya ialah untuk mengikat hose di atas bangunan supaya tidak bergerak yang dibawa melalui tangga bomba.
	<u>PARACHUTE KNOT</u> Kegunaannya ialah untuk menurunkan atau menaikkan mangsa dari bangunan. Ikatan ini adalah khas untuk lelaki sahaja.
	<u>CHAIR KNOT</u> Kegunaannya ialah untuk menurunkan atau menaikkan mangsa dari bangunan atau dari tempat-tempat yang sesuai. Ikatan ini adalah khas untuk perempuan sahaja.
	<u>SINGLE BOWLINE</u> Kegunaannya ialah untuk menaikkan mangsa dari dalam lobang, perigi, pitak-pitak kapal, gaung atau dari tempat-tempat yang curam. Ikatan ini juga digunakan bagi menyelamatkan mangsa yang terjatuh dalam sungai dan laut. <i>Ikatan ini bilamana ianya ditarik, lingkarannya tidak akan mengencang (Non-slipping).</i>



JENIS-JENIS IKATAN	KEGUNAANYA
	<u>SIGNAL KNOT</u> Kegunaannya ialah untuk isyarat semasa masuk ke dalam bangunan atau lubang.
	<u>DRAW HITCH</u> Kegunaannya ialah untuk Self Rescue turun dari bangunan secara perseorangan, yangmana ikatan ini boleh ditanggalkan dari bawah.